



KENANGAN Peserta merakam gambar kenangan bersama penduduk, pemimpin komuniti dan wakil agensi kerajaan.

Turun padang medium kenal pasti keperluan rakyat

PENAMPANG: Pendekatan turun padang terus kepada komuniti menjadi medium penting bagi mengenal pasti keperluan dan suara rakyat didengari.

Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Kapayan, Mitchell Chong berkata, pendekatan dialog secara santai bersama komuniti penting bagi memastikan perkhidmatan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) sentiasa selari dengan keperluan sebenar rakyat.

"Sesi libat urus seperti ini amat penting untuk pihak UPPM mendengar sendiri denyut nadi dan keperluan penduduk Kampung Koidupan.

"Pihak UPPM komited memastikan setiap isu kebajikan dan pembangunan di DUN Kapayan diberi perhatian demi kesejahteraan bersama," katanya ketika sesi libat urus bersama penduduk pada Program Jiwa @ Komuniti Madani: Sembang Santai Kg Koidupan yang berlangsung di Pejabat UPPM Kapayan, di sini.

Dalam program tersebut, penduduk berpeluang mendapatkan saringan kesihatan asas menerusi kaunter yang disediakan oleh National Kidney Foundation (NKF) dan perkongsian maklumat daripada Jabatan Penerangan (JaPen) Daerah Penampang. **-Penerangan.**